

PM yakin kemampuan Najib

um- 28/4/2007

KUALA LUMPUR 27 April - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, beliau yakin dengan kemampuan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai timbalannya terutama dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya.

"Saya confident (yakin) dengan Datuk Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana banyak kerja-kerja yang dilaksanakan itu saya berpuas hati," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Harta Intelek Negara, di sini hari ini.

Perdana Menteri menjawab soalan pemberita mengenai pelbagai serangan peribadi yang dilemparkan oleh pihak pembangkang terhadap Najib dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok, Selangor, yang sedang berlangsung sekarang.

Abdullah berkata, selaku Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) pula, Najib telah banyak kali membuktikan keupayaannya mengetuai jentera parti setiap kali pilihan raya kecil diadakan.

"Sungguhpun saya sebagai Pengerusi BN (dan adalah menjadi) tanggungjawab saya untuk ketua, tetapi selama ini beliau telah mengetuai jentera pilihan raya kecil yang diadakan dan telah menunjukkan kebolehan dan telah mencapai kejayaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, parti pembangkang tidak sepatutnya menggunakan serangan peribadi terhadap timbalannya itu memandangkan tuduhan yang dibuat adalah tidak berkaitan dengan Najib.

Sejak kempen pilihan raya kecil DUN Ijok bermula selepas pencalonan

pada 19 April lalu, Najib telah menjadi sasaran utama pihak pembangkang, yang antara lain mengaitkan beliau dengan kes pembunuhan seorang wanita rakyat Mongolia.

Ketika diminta mengulas kenyataan Najib bahawa Abdul Khalid bertanding dalam pilihan raya kecil Ijok kerana bendahari agung PKR itu kecewa dengan kerajaan selepas gagal mengambil alih 20 peratus saham dalam Guthrie, Abdullah berkata beliau percaya Najib mempunyai asas yang kukuh apabila beliau mengeluarkan kenyataan tersebut.

"Saya diberitahu bahawa Tan Sri (Abdul) Khalid mahu mengambil tindakan tertentu terhadap tindakan Datuk Seri Najib itu. Jika itu yang diinginkannya biarlah beliau mengambil tindakan. Saya yakin Datuk Seri Najib mempunyai asas yang kukuh mengenai kenyataan yang dibuatnya itu," kata Abdullah.

Mengenai strategi melakukan serangan peribadi oleh kedua-dua parti yang bertanding, Abdullah berkata ia adalah satu situasi malang yang bermula apabila pihak pembangkang melakukan serangan pertama.

"Apabila satu kumpulan mula melakukannya maka kumpulan lain pula akan membalasnya dengan cara yang sama. Itulah yang berlaku.

"Rakyat tidak akan beroleh apa-apa keuntungan sama sekali, rakyat mahu pembangunan, rakyat mahu tahu apakah isu-isunya, apa yang parti dan calon yang telah dipilihnya dapat lakukan untuk membantu mereka. Saya fikir itulah yang rakyat mahu tahu," kata Perdana Menteri.

- Bernama

Selaku Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) pula, Najib telah banyak kali membuktikan keupayaannya mengetuai jentera parti setiap kali pilihan raya kecil diadakan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Seri Ibrahim Abu Shah (kiri) memberi tepukan semangat kepada pasukan jelajah bermotosikal dunia yang diketuai Hazman Hussain (tengah) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.